



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SALING HUBUNGAN KOMPONEN-KOMPONEN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN, MOTIVASI DAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS MURID-MURID SEKOLAH RENDAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**NURUL ILLIANA HIDAYAH BINTI
KAMARULZAMAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SALING HUBUNGAN KOMPONEN-KOMPONEN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN, MOTIVASI DAN PECAPAIAN BAHASA INGGERIS MURID-MURID SEKOLAH RENDAH

NURUL ILLIANA HIDAYAH BINTI KAMARULZAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila Taipkan (✓):**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **16 FEBRUARI 2021**.

i. **Perakuan pelajar :**

Saya, **NURUL ILLIANA HIDAYAH BINTI KAMARULZAMAN, M201520021736**, **FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **SALING HUBUNGAN KOMPONEN-KOMPONEN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN, MOTIVASI DAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS MURID-MURID SEKOLAH RENDAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. **Perakuan Penyelia:**

Saya, **DR. NURULHUDA BINTI MD HASSAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **SALING HUBUNGAN KOMPONEN-KOMPONEN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN, MOTIVASI DAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS MURID-MURID SEKOLAH RENDAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian Mod B syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
"[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"**

Tajuk / Title:

SALING HUBUNGAN KOMPONEN-KOMPONEN
PERSEKITARAN PEMBELAJARAN, MOTIVASI DAN
PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS MURID-MURID
SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / Matric's No.:

M20152001736

Saya / I :

NURUL ILLIANA HIDAYAH BINTI KAMARULZAMAN

mengaku membenarkan [Tesis/Disertasi/Laporan-Kertas-Projek] (Doktor-Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:- *acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)
Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T, pemilik sekalian alam, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Setinggi-tinggi kesyukuran saya rafa'kan ke hadrat Yang Maha Esa, kerana limpah kurnia serta nikmatNYA, penulisan disertasi ini dapat disempurnakan sebaik-baiknya.

Jutaan terima kasih saya ucapan buat penyelia kajian saya, Dr Nurulhuda binti Md Hassan atas segala bimbingan tunjuk ajar serta nasihat yang telah diberikan sepanjang saya berada di bawah seliaan beliau. Ucapan penghargaan juga saya ucapan buat semua pensyarah Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah banyak memberikan pandangan serta bimbingan sepanjang saya mengikuti pengajian di sini.

Seterusnya, ucapan penghargaan yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa saya, Kamarulzaman bin Mohd Hassan dan Rous Nani binti Ibrahim atas iringan doa yang tidak putus-putus demi kejayaan seorang anak. Kalungan penghargaan juga buat suami, Muhammad Azizi bin Azizan atas segala pengorbanan serta pengertian yang diberikan selama ini. Ucapan terima kasih juga ingin saya dedikasikan buat kedua-dua permata hati saya, 'Aisy Nur Iman binti Muhammad Azizi dan Nuha Nur Iman binti Muhammad Azizi, kalian berdua penyebab diri ini masih teguh berdiri di sini. Tidak dilupakan adik-adik saya yang sentiasa ada di sisi di waktu susah dan senang saya.

Ribuan terima kasih juga saya ucapan buat rakan-rakan seperjuangan Elly Yuzreeza binti Othman, Mohamad Zhafri bin Zainal Abidin, Muhammad Najib bin Anuar, Rashidin dan Siti Salwa yang tidak pernah lokek untuk berkongsi idea-idea serta input-input yang membantu saya menyempurnakan penulisan disertasi ini. Tidak dilupakan buat sahabat Mohamed Ikwan bin Sulaiman yang sentiasa ada di saat diri ini memerlukan bantuan serta sokongan moral. Jasa baik kalian hanya Allah sahaja yang mampu membaliasnya.

Ucapan penghargaan ini juga ingin saya tujukan buat semua warga SK Ayer Tawar, murid-murid, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Manjung, pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penulisan disertasi ini. Akhir kalam, semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak InsyaAllah.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti saling hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Kajian ini melibatkan seramai 200 orang murid Tahun Lima daerah Manjung yang dipilih melalui teknik persampelan rawak berstrata. Terdapat tiga jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu *What is Happening in This Class* (WIHIC), *Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientation* dan skor murid dalam tiga jenis penilaian Bahasa Inggeris, iaitu Ujian Bulan Mac, Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik analisis deskriptif dan teknik Model Persamaan Berstruktur (SEM). Dapatkan analisis deskriptif menunjukkan bahawa min keseluruhan komponen-komponen persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris masing-masing ialah, 3.90, 3.70 dan 2.96. Manakala, dapatkan analisis inferensi menunjukkan komponen kerjasama mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi, di mana nilai beta *coefficient* yang diperolehi ialah 0.49 pada paras signifikan $p=0.02$. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa persekitaran pembelajaran dan motivasi murid-murid sekolah rendah masih berada pada tahap yang sederhana, manakala pencapaian Bahasa Inggeris berada pada tahap yang rendah. Selain itu, komponen kerjasama memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan motivasi murid-murid sekolah rendah. Sebagai implikasi, komponen-komponen persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris masih perlu ditingkatkan dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Selain itu, guru-guru juga perlu memainkan peranan dalam menggalakkan aktiviti yang melibatkan kerjasama murid-murid bagi memupuk motivasi mereka untuk mempelajari Bahasa Inggeris secara lebih mendalam.





THE RELATIONSHIP AMONG THE COMPONENTS OF LEARNING ENVIRONMENT, MOTIVATION AND ENGLISH ACHIEVEMENT AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS

ABSTRACT

This study was conducted to identify the relationship among the components of learning environment, motivation and English achievement among primary school pupils. This study involved 200 Year Five pupils from Manjung District which selected by random stratified sampling. There are three instruments used in this study which are What is Happening in This Class (WIHIC), Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientation and pupils' scores in three English assessments, which are March Assessment, Mid Term Examination and Final Year Examination. The data were analysed using descriptive technique and Structural Equation Modelling (SEM). The descriptive data shown that overall mean of the learning environment's components, motivation and English achievement are 3.90, 3.70 and 2.96. Meanwhile, the inferential data shown that cooperation component has a significant relationship with motivation, where the beta coefficient is 0.49 at a significant level $p=0.02$. In conclusion, this study found that learning environment and motivation among the primary school pupils are still the lower level. As an implication, the components of learning environment, motivation and English achievement still need to be improved among the primary school pupils. Meanwhile, the teachers need to play an important roles to encourage the activities that can involve cooperation among the pupils in order to enhance their motivation to learn English in depth.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Soalan Kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.9 Kerangka Teori	16
1.10 Kepentingan Kajian	17
1.11 Batasan Kajian	19





1.12 Definisi Operasional	20
1.12.1 Persekutaran Pembelajaran	20
1.12.2 Motivasi	20
1.12.3 Pencapaian Bahasa Inggeris	21
1.13 Kesimpulan	21
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Kerangka Teori	23
2.2.1 Teori Ekologi Bronfenbrenner	24
2.2.2 Teori Perkembangan Kognitif Sosial Vygotsky	29
2.2.3 Teori Konstruktivisme	31
2.2.4 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	35
2.2.5 Teori Hierarki Keperluan Maslow	38
2.2.6 Teori Penentuan Kendiri (<i>Self Determination Theory</i>)	46
2.3 Persekutaran Pembelajaran	49
2.3.1 Definisi Persekutaran Pembelajaran	49
2.3.2 Ciri-ciri Persekutaran Pembelajaran Efektif	50
2.3.3 Rumusan	54
2.4 Motivasi	55
2.5 Kajian-Kajian Lepas	57
2.5.1 Kajian-kajian Berkaitan Persekutaran Pembelajaran dan Motivasi	57
2.5.2 Rumusan	61
2.5.3 Kajian-kajian Berkaitan Motivasi dan Pencapaian	61
2.5.4 Rumusan	63





2.5.5 Kajian-kajian Berkaitan Persekutaran Pembelajaran dan Pencapaian	63
2.5.6 Rumusan	65
2.6 Kesimpulan	65
BAB 3 METODOLOGI	67
3.1 Pengenalan	67
3.2 Kaedah kajian	67
3.3 Sampel Kajian	68
3.4 Instrumen Kajian	69
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	74
3.6 Kajian Rintis	75
3.7 Prosedur Pengumpulan Data Kajian	76
3.8 Teknik Analisis Data	77
3.8.1 Teknik Analisis Deskriptif	77
3.8.2 Teknik Analisis Model Persamaan Berstruktur (SEM)	80
3.8.3 Langkah-langkah Dalam Teknik Model Persamaan Berstruktur (SEM)	84
3.9 Kesimpulan	86
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	88
4.1 Pengenalan	88
4.2 Ciri-Ciri Demografi Peserta Kajian	89
4.3 Persekutaran Pembelajaran Bahasa Inggeris Murid-Murid Sekolah Rendah	89
4.4 Motivasi	91
4.5 Pencapaian Bahasa Inggeris	93





4.6 Saling Hubungan Antara Komponen-Komponen Persekutaran Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Inggeris Murid-Murid Sekolah Rendah	93
4.6.1 Rumusan	97
4.7 Sumbangan Komponen-Komponen Persekutaran Pembelajaran Terhadap Motivasi Murid-Murid Sekolah Rendah	98
4.8 Sumbangan Komponen-Komponen Persekutaran dan Motivasi Terhadap Pencapaian Bahasa Inggeris Murid-Murid Sekolah Rendah	99
4.8.1 Rumusan	99
4.9 Kesimpulan	100
BAB 5 PERBINCANGAN	101
5.1 Pengenalan	101
5.2 Ringkasan Kajian	101
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	102
5.3.1 Perbincangan Dapatan Kajian Deskriptif	103
5.3.2 Perbincangan Dapatan Kajian Inferensi	107
5.4 Implikasi Kajian	122
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	125
5.6 Kesimpulan	127
RUJUKAN	128
LAMPIRAN	136





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Peringkat Pemilihan Sampel Kajian	69
3.2 Contoh-contoh Item konstruk <i>What is Happening in This Class (WIHIC)</i>	71
3.3 Contoh-contoh Item <i>Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientation</i>	72
3.4 Jadual Skor Pencapaian Bahasa Inggeris	78
3.5 Jadual Interpretasi Skor Min Persekutaran Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Inggeris	79
3.6 Peranan Pembolehubah Mengikut Hubungan	82
3.7 Nilai Indeks Kesepadan Menurut Cadangan Hair et al. (2010)	84
4.1 Min dan Sisihan Piawai bagi Komponen-komponen Persekutaran Pembelajaran	91
4.2 Min dan Sisihan Piawai bagi Konstruk Motivasi	92
4.3 Nilai Min dan Sisihan Piawai Konstruk Pencapaian Bahasa Inggeris	93
4.4 Saling Hubungan Komponen-komponen Persekutaran Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Inggeris	97





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.2 Kerangka Teori Kajian	16
2.1 Model Ekologi Bronfenbrenner	25
2.2 Hierarki Keperluan Dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow	38
4.1 Analisis Hubungan Antara Komponen-komponen Persekutaran Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Inggeris Murid-murid Sekolah Rendah	95





SENARAI SINGKATAN

AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GPMP	Gred Purata Mata pelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	Literasi dan Numerasi
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdPc	Pengajaran dan pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
WIHIC	<i>What is Happening in This Class</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI LAMPIRAN

Permohonan Menjalankan Kajian

Instrumen Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan Malaysia yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bercita-cita untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sosial (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Hasrat pendidikan melalui Teras Pembangunan Kurikulum juga menggariskan beberapa indikator yang ingin dicapai seperti kemenjadian dan keseimbangan murid dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial di samping bergelar “*global player*” yang memiliki daya tahan dan daya saing yang tinggi serta mempunyai kemahiran berkomunikasi dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Generasi yang memiliki pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta memiliki daya saing yang tinggi diilihat mampu untuk menerajui negara pada masa akan datang (Kupusamy, 2016).

Intipati ucapan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Mohd Najib bin Abd Razak dalam pembentangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mengatakan bahawa aspek pendidikan merupakan pencetus kreativiti serta penjana inovasi yang akan melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi secara keseluruhannya. Oleh itu, sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami beberapa revolusi perubahan atau dikenali sebagai transformasi kurikulum dalam menyusun





atur serta menambahbaik sistem kurikulum di sekolah (KPM, 2011). Hal ini dirancang supaya dapat memberikan suasana yang baharu serta terkini seiring dengan kemajuan dan juga kepesatan global masa kini.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan transformasi kurikulum daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan kemasukan elemen nilai tambah iaitu elemen keusahawanan, kreativiti dan inovasi serta teknologi maklumat dan komunikasi (KPM, 2011). Kesemua elemen nilai tambah yang terkandung dalam KSSR ini perlu diterapkan dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) supaya murid-murid dapat dibimbing dan dipupuk ke arah matlamat sebenar pendidikan negara. Perubahan demi perubahan yang berlaku ini dilihat akan mengubah aspek persekitaran pembelajaran murid-murid sama ada dari sudut pengajaran guru mahupun penglibatan murid-murid.



Selari dengan hasrat untuk melahirkan generasi yang memiliki pakej lengkap yang mampu bersaing di peringkat global, KPM juga telah memperkenalkan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 di mana kemahiran-kemahiran pembelajaran abad ke-21 seperti strategi pengajaran, maklum balas murid-murid tentang hasil pembelajaran, penglibatan murid-murid dalam kelas perlu diterapkan dalam sesi pengajaran agar murid-murid dapat memupuk kemahiran berfikir aras tinggi sejak dari awal persekolahan. Di samping itu juga, konsep dan elemen yang terdapat dalam Pembelajaran Abad Ke-21 iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaborasi dan kreativiti perlu diterjemahkan bagi membentuk strategi pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah (Utusan Malaysia, 2016). Tapscott dan Williams (2010) berpendapat bahawa Pembelajaran Abad Ke-21 memerlukan komuniti pendidikan untuk menerima dan membuka peluang untuk berkolaborasi dalam proses pengajaran





dan pembelajaran. Antara elemen yang ditekankan dalam pembelajaran seperti ini ialah sokongan guru dan kesepaduan murid-murid. Sokongan atau rangsangan yang diberikan oleh guru di dalam kelas seperti peka terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid dan bertindak merangsang murid-murid untuk saling membantu di dalam kelas akan mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan tidak wujud kebimbangan dalam diri murid-murid. Arnt (2016) berpendapat bahawa guru yang menyokong pembelajaran murid dapat dilihat melalui interaksi yang wujud di dalam kelas dan seterusnya interaksi ini akan mewujudkan kesepaduan antara murid-murid ketika mereka menjalani aktiviti pembelajaran di dalam kelas.

Sokongan guru pada peringkat awal akan memacu murid-murid untuk terus aktif melalui penglibatan dan kerjasama yang ditunjukkan di dalam kelas. Nor Hasliza (2012) mengatakan bahawa penglibatan aktif murid-murid di dalam kelas bukan sahaja akan memberi kesan yang positif dalam pembelajaran individu murid itu sendiri, malah akan turut merangsang rakan-rakan yang lain untuk turut serta dalam aktiviti di dalam kelas. Penglibatan aktif ini turut dituntut dalam konsep Pembelajaran Abad Ke-21 yang seterusnya akan dapat menyuntik motivasi murid-murid untuk terus kekal aktif dalam sesi pembelajaran yang dilalui oleh mereka. Camila dan Bayardo (2016) berpendapat bahawa murid-murid yang melibatkan diri dengan sesi pembelajaran secara aktif turut mempengaruhi motivasi sama ada secara intrinsik mahupun ekstrinik. Kedua-dua motivasi ini berupaya untuk mempengaruhi pencapaian akhir murid-murid itu kelak. Kayalar (2016) turut menyatakan pendapat yang sama tentang penglibatan aktif yang akan mempengaruhi pencapaian murid-murid di mana, murid-murid yang melalui pembelajaran yang disokong penuh oleh





guru akan merasa yakin dan seterusnya dapat melalui proses pembelajaran dengan mudah dan selesa. Justeru, dalam usaha untuk merealisasikan transformasi pendidikan, komuniti pendidikan seharusnya peka akan elemen-elemen persekitaran pembelajaran yang perlu diberi perhatian supaya ianya dapat meningkatkan motivasi dalam kalangan murid-murid dan seterusnya akan menyumbang kepada pencapaian yang lebih memberangsangkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Inggeris merupakan satu subjek yang telah diperkenalkan kepada kanak-kanak di Malaysia seawal pra sekolah, iaitu sekitar umur lima hingga enam tahun. Subjek Bahasa Inggeris seterusnya diteruskan sebagai subjek teras yang diajar di peringkat sekolah rendah sekitar umur tujuh hingga 12 tahun. Kemudian, ianya diteruskan lagi untuk peringkat sekolah menengah sekitar umur 13 hingga 17 tahun. Secara purata, rakyat Malaysia yang tamat persekolahan wajib sekolah rendah dan meneruskan pengajian ke peringkat sekolah menengah telah mempelajari Bahasa Inggeris selama 14 hingga 15 tahun (Hazita, 2016). Kemasukkan awal subjek Bahasa Inggeris ke dalam sistem kurikulum di Malaysia adalah berdasarkan kepentingan penggunaan bahasa ini di peringkat global.

Proses implementasi subjek Bahasa Inggeris sebagai salah satu subjek teras juga termaktub dalam Akta Pendidikan 1961 dan 1966 (KPM, 2012). Hazita (2016) berpendapat walaupun Bahasa Inggeris merupakan subjek yang telah digazetkan sebagai subjek teras dalam pendidikan Malaysia, namun ianya tidak mencerminkan bahawa setiap murid yang telah melalui proses pembelajaran ini mampu menguasai subjek ini dengan baik. Hal ini kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua bagi





murid yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda manakala Bahasa Inggeris pula dijadikan bahasa ketiga bagi murid-murid yang bahasa ibundanya selain daripada Bahasa Melayu.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang diajar di sekolah hanya melibatkan sepuluh waktu dalam seminggu. Oleh hal yang demikian, subjek tersebut tidak diaplikasikan secara maksimum oleh murid-murid. Loius, Melor dan Maslawati (2016) berpendapat bahawa penggunaan Bahasa Inggeris hanya tertumpu sepanjang pembelajaran di dalam kelas dan tidak digunakan secara meluas di luar bilik darjah. Hal ini mewujudkan kebimbangan kerana pada zaman kepesatan era globalisasi, Bahasa Inggeris adalah bahasa yang digunakan secara meluas di peringkat global dalam menyampaikan pemikiran dan juga penemuan dalam inovasi terbaru dalam pelbagai bidang (Nurul Najwa & Noor Raudhiah, 2016). Selain itu juga, kepentingan Bahasa Inggeris boleh dilihat apabila ianya telah menjadi bahasa dominan yang digunakan di peringkat antarabangsa. Pakir (2009) berpendapat bahawa Bahasa Inggeris telah dikenali sebagai bahasa universal yang tidak boleh diketepikan dalam era globalisasi. Di samping itu juga, kepentingan Bahasa Inggeris dapat dilihat bukan sahaja sebagai medium untuk menyalurkan kemahiran, tetapi juga sebagai sumber untuk memperolehi maklumat dan ilmu pengetahuan (Yahya, 2010).

Penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris ialah elemen yang penting dalam era globalisasi (Nurul Najwa & Noor Raudhiah, 2016). Ianya merupakan bahasa utama yang digunakan di peringkat antarabangsa untuk membolehkan penduduk dari pelbagai negara berinteraksi dan menyampaikan maklumat secara efektif. Menurut Hashim (2010), antara faktor yang menyumbang kepada kadar pengangguran di dalam negara ialah lemahnya penguasaan dan pembudayaan





kemahiran Bahasa Inggeris. Kajian yang dijalankan oleh Clyne dan Sharifian (2008) membentangkan statistik penggunaan Bahasa Inggeris oleh masyarakat di dunia kini melebihi 50%, maka seandainya penguasaan Bahasa Inggeris masih lemah dalam kalangan rakyat Malaysia, ianya akan menimbulkan masalah yang besar dalam proses akses maklumat dan juga penyebaran ilmu di peringkat global.

Bahasa Inggeris merupakan subjek yang dilihat sebagai subjek kritikal di mana-mana institusi pengajian di Malaysia, sama ada di peringkat yang paling rendah mahupun di peringkat yang paling tinggi (Ee, 2012). Statistik pencapaian Bahasa Inggeris bagi tahun 2016 mencatatkan Gred Purata Mata pelajaran (GPMP) sebanyak 3.57 (*The Star*, 2017). Keputusan ini dilihat sebagai keputusan yang paling rendah berbanding mata pelajaran-mata pelajaran teras yang lain. Selain itu, kemerosoton ini juga dapat dilihat melalui saringan-saringan literasi dan numerasi (LINUS) Bahasa Inggeris yang dijalankan di peringkat sekolah rendah di mana saringan-saringan ini terus dijalankan sehingga murid-murid yang terlibat memasuki Tahap Dua persekolahan. Kemerosoton ini perlu dipandang secara serius kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling utama digunakan di peringkat antarabangsa.

Kegagalan menguasai Bahasa Inggeris bukan sahaja memberi impak jangka masa pendek, malah ia turut memberikan kesan jangka masa panjang terhadap seseorang individu dan seterusnya akan turut mengakibatkan disfungsi individu di dalam masyarakat dan negara. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca kepada lemahnya penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid. Salah satu daripada faktor tersebut ialah persekitaran pembelajaran. Menurut Yahya et al. (2008), persekitaran pembelajaran yang wujud di institusi-institusi pendidikan di Malaysia tidak memberi fokus untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris



dalam kalangan murid-murid. Ini menyebabkan murid-murid tidak mampu untuk mengaplikasikan hasil pembelajaran Bahasa Inggeris di luar sesi pengajaran dan pembelajaran. Penyataan ini disokong oleh Tarmizi (2003) yang berpendapat bahawa persekitaran pembelajaran yang pasif menyebabkan murid-murid lebih gemar menggunakan medium Bahasa Melayu sebagai medium untuk berkomunikasi walaupun mereka berada dalam suasana pembelajaran Bahasa Inggeris.

Selain daripada faktor persekitaran pembelajaran, motivasi juga merupakan faktor yang menyumbang kepada kegagalan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid. Lagan dan Mahamod (2011) menyatakan bahawa motivasi yang ditunjukkan oleh seseorang individu memberi kesan terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris. Mumtaz Ahmad et al. (2015) turut berpendapat bahawa kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid berkait rapat dengan tahap motivasi yang dimiliki oleh mereka. Pendapat-pendapat ini juga selari dengan Ee (2012) yang menyatakan bahawa murid-murid yang memiliki tahap motivasi yang tinggi cenderung untuk mencapai matlamat pembelajaran yang lebih baik berbanding dengan murid-murid yang memiliki tahap motivasi yang lebih rendah.

Persekitaran pembelajaran dan motivasi merupakan aspek yang tidak dapat dipisahkan. Marko dan Danijela (2015) berpendapat bahawa persekitaran pembelajaran yang meliputi elemen teknik pengajaran, kesepaduan bahan bantu mengajar atau penglibatan murid tidak memberi kesan kepada pencapaian, tetapi ianya akan meninggalkan kesan apabila kesemua elemen dalam persekitaran pembelajaran ini diselaraskan dengan aspek motivasi. Pernyataan ini disokong oleh Loredana, Simona dan Luminita (2011) yang mengatakan bahawa persekitaran



pembelajaran akan mempengaruhi motivasi dan seterusnya akan memberi kesan kepada pencapaian murid-murid.

1.3 Penyataan Masalah

Kelemahan dalam penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid dilihat sebagai satu fenomena yang wajar diberi perhatian secara serius. Ini ditambah pula dengan pembaharuan format dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang menjadikan subjek ini dilihat sebagai subjek yang sukar dalam kalangan murid-murid. Walau bagaimanapun, masalah ini perlu ditangani secara bijak kerana kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa global yang berfungsi untuk menyebar luaskan maklumat terkini serta medium komunikasi masyarakat pada peringkat antarabangsa (Clyne & Sharifian, 2008; Nurul Najwa & Noor Raudhiah, 2016).



Kepentingan Bahasa Inggeris dapat dilihat melalui beberapa aspek. Pertama, Bahasa Inggeris merupakan bahasa dominan yang digunakan oleh masyarakat dunia untuk berkomunikasi serta berinteraksi antara satu sama lain (Nurul Najwa & Noor Raudhiah, 2016). Kedua, Bahasa Inggeris merupakan medium untuk menyalurkan serta menyampaikan maklumat-maklumat terkini yang akan membantu dalam proses pendidikan dan pengetahuan umum (Chew, 2008; Clyne & Sharifian, 2008). Ketiga, Bahasa Inggeris dilihat sebagai aspek yang akan mengisi keperluan pekerjaan dan aspek sosial individu (Nadzalinda, 2015). Hal ini kerana individu yang dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik dilihat mempunyai keyakinan dan kemahiran insaniah yang baik untuk berurusan dalam kehidupan seharian, manakala individu yang tidak menguasai Bahasa Inggeris dengan baik akan menyekat perkembangan diri dalam urusan seharian (Mohd Hasimi et al., 2017).





Berdasarkan kepentingan-kepentingan Bahasa Inggeris yang telah dinyatakan, maka adalah menjadi kemestian untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan Bahasa Inggeris supaya ada usaha dan inisiatif yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini. Kajian-kajian lepas yang dijalankan mendapati bahawa salah satu faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Inggeris ialah faktor persekitaran pembelajaran (Nurul Najwa & Noor Raudhiah, 2016; Eman et al., 2016; Cheng et al., 2016; Bi, 2015). Persekutaran pembelajaran yang positif akan menimbulkan suasana intelektual yang positif, menggalakkan komunikasi dua hala dan seterusnya akan merangsang pertumbuhan dan perkembangan pembelajaran yang berterusan (Che Nidzam et.al, 2013). Suasana pembelajaran yang positif sebegini akan mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid di dalam kelas (Nik Zarini Nik Kar & Salmiza Salleh, 2012).



Selain daripada persekitaran pembelajaran, motivasi juga merupakan faktor yang mempengaruhi pencapaian Bahasa Inggeris (Subadrah & Sakunthala 2014; Farnaz 2016; Hanke 2016). Aspek motivasi diperlukan dalam sesuatu pembelajaran kerana motivasi dilihat sebagai medium penggerak untuk mendorong seseorang individu murid untuk memaksimumkan potensi untuk mencapai prestasi yang lebih baik (Adi Cahyono, Samsi Haryanto & Sudarsono, 2016). Kopershoek (2016) berpendapat bahawa murid-murid didorong oleh motivasi yang berbeza sama ada motivasi yang berbentuk intrinsik atau ekstrinsik dalam usaha untuk mencapai tahap pencapaian yang diinginkan.

Di samping faktor persekitaran pembelajaran dan motivasi yang dilihat mempengaruhi pencapaian murid-murid, kajian-kajian lepas turut membuktikan perkaitan antara persekitaran pembelajaran dengan motivasi (Xue, 2015; Alzubaidi,





Aldridge & Khine, 2016; Ursula, 2017). Mumtaz Ahmed, Maria Aftab dan Humaira Yaqoob (2015) berpendapat bahawa dalam usaha untuk mempelajari bahasa kedua, persekitaran pembelajaran yang mempunyai suasana yang positif berupaya meningkatkan motivasi murid-murid untuk mempelajari bahasa kedua tersebut. Dalam usaha untuk meningkatkan motivasi murid-murid di dalam kelas, aspek persekitaran pembelajaran merupakan elemen asas yang perlu dititikberatkan (Velayutham & Aldridge, 2013). Justeru, para pengurus bilik darjah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk memastikan murid-murid mempunyai persekitaran pembelajaran yang positif dalam usaha untuk memotivasi murid-murid untuk mencapai matlamat pencapaian yang diinginkan (Siew & Ruslan Mapeala, 2017).

Kajian-kajian lepas mendapati terdapat hubungan antara persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian. Namun, kebanyakan kajian-kajian ini didapati menyelidik hubungan antara dua pembolehubah dalam satu masa, iaitu hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan pencapaian (Hasiah Arjani, 2011; Nurul Nisha Muhamad, 2012; Nik Zarini Nik Kar & Salmiza Salleh, 2012), hubungan antara motivasi dan pencapaian (Yun & Chandarsega, 2012; Malarani, 2016; Kopershoek, 2016) dan hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan motivasi (Radovan & Makovec, 2015; Subadrah & Sakunthala, 2014; Bi, 2013). Dari aspek mata pelajaran, kebanyakan kajian lepas memberi fokus terhadap mata pelajaran Matematik dan Sains (Siew & Ruslan 2017; Sunitadevi & Jill 2012; Yapici 2016). Manakala dari aspek kaedah kajian pula, rata-rata kajian sebelum ini mengaplikasikan kaedah kuasi eksperimen (Rachel, Nnamdi & Thomas, 2016; Subadrah & Sakunthala, 2014; Nik Zarini Nik Kar & Salmiza Salleh, 2012). Selain itu, kajian-kajian lepas





didapati melibatkan sampel kajian di peringkat sekolah menengah, kolej-kolej matrikulasi dan universiti atau dikenali sebagai peringkat tertiar (Nik Zarini Nik Kar & Salmiza Salleh, 2012; Subadrah & Sakunthala, 2014; Kupusamy, 2016; Yurt 2015).

Kajian ini cuba mengisi jurang yang ditinggalkan oleh kajian-kajian lepas dengan mengenalpasti saling hubungan antara pemboleh ubah persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian secara serentak. Jurang yang kedua yang diisi ialah dari segi mata pelajaran. Kajian ini mengkaji mata pelajaran Bahasa Inggeris yang dilihat sebagai mata pelajaran yang kritikal pada semua peringkat dalam institusi pendidikan. Seterusnya, jurang yang ketiga ialah tentang kaedah kajian. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan dan dianalisis melalui kaedah *Structural Equation Modelling* (SEM) untuk mengkaji saling hubungan antara ketiga-tiga pembolehubah secara serentak. Manakala dari segi sampel kajian pula, kajian ini dijalankan dengan menggunakan sampel murid-murid sekolah rendah iaitu tahap permulaan murid-murid untuk menerima asas Bahasa Inggeris sebelum mara ke peringkat yang lebih tinggi.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti saling hubungan antara persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah :





1. Mengenalpasti persekitaran pembelajaran yang dialami oleh murid-murid sekolah rendah.
2. Mengenalpasti tahap motivasi yang dimiliki oleh murid-murid sekolah rendah.
3. Mengenalpasti tahap pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.
4. Mengenalpasti saling hubungan komponen-komponen persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.

Terdapat tiga sub objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini, iaitu :

- a. Mengenalpasti hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran dengan motivasi murid-murid sekolah rendah.
 - b. Mengenalpasti hubungan antara motivasi dengan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.
 - c. Mengenalpasti hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.
5. Menentukan sumbangan kolektif komponen-komponen persekitaran pembelajaran terhadap motivasi murid-murid sekolah rendah.
 6. Menentukan sumbangan kolektif komponen persekitaran pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.

1.6 Soalan Kajian

1. Apakah persekitaran pembelajaran yang dialami oleh murid-murid sekolah rendah?





2. Apakah tahap motivasi yang dimiliki oleh murid-murid sekolah rendah?
3. Apakah tahap pencapaian Bahasa Inggeris yang dimiliki oleh murid-murid sekolah rendah?
4. Adakah terdapat saling hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah?
 - a. Adakah terdapat hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran dengan motivasi?
 - b. Adakah terdapat hubungan antara motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah?
 - c. Adakah terdapat hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah?
5. Berapakah sumbangan kolektif komponen-komponen persekitaran pembelajaran terhadap motivasi murid-murid sekolah rendah?
6. Berapakah sumbangan kolektif komponen-komponen persekitaran pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah?

1.7 Hipotesis Kajian

H1 : Terdapat saling hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.





H2 : Terdapat hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran dengan motivasi murid-murid sekolah rendah.

H3 : Terdapat hubungan antara motivasi dan pencapaian murid-murid sekolah rendah.

H4 : Terdapat hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji saling hubungan komponen-komponen persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah. Berdasarkan tujuan kajian ini, terdapat tiga konstruk utama yang dianalisis secara terperinci, iaitu hubungan antara komponen-komponen persekitaran dan motivasi, hubungan antara motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah, dan hubungan antara komponen-komponen persekitaran pembelajaran dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.

Bagi mengukur persekitaran pembelajaran, kajian ini menggunakan instrumen *What is Happening in This Class* (WIHIC). Instrumen ini menggunakan lima konstruk yang diadaptasi oleh Aldridge dan Fraser (2000). Lima konstruk yang dinilai dalam soal selidik ini ialah konstruk kesepadan murid, sokongan guru, penglibatan, orientasi tugas dan kerjasama.


Manakala bagi pembolehubah motivasi, soal selidik *Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientation* telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen ini telah





dibangunkan oleh Lepper, Corpus dan Iyengar (2005). Soal selidik ini meliputi motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Konstruk-konstruk yang melibatkan kedua-dua motivasi ini ialah cabaran, ingin tahu, penguasaan bebas, tugasan yang mudah, menyenangkan guru dan kebergantungan kepada guru.

Pembolehubah ketiga iaitu pencapaian pula akan menggunakan tiga skor ujian yang dijalankan di sekolah iaitu Ujian Bulan Mac, Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun. Ujian-ujian ini disediakan oleh panel yang telah dilantik oleh Pejabat Pelajaran Daerah. Analisis yang digunakan untuk menguji hubungan antara ketiga-tiga pembolehubah secara serentak ialah analisis SEM. Analisis SEM juga membolehkan pengkaji untuk mengkaji sumbangan kolektif komponen-komponen persekitaran pembelajaran dengan motivasi dan juga terhadap pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah.




Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Kerangka Teori

Kerangka teori kajian ini dibina dengan mengambil kira teori yang mencerminkan tentang persekitaran pembelajaran dan juga yang menggambarkan tentang motivasi seseorang individu. Terdapat empat teori yang mendasari pemboleh ubah persekitaran pembelajaran, manakala bagi pemboleh ubah motivasi pula, terdapat dua teori yang dipilih berdasarkan kesesuaian dengan pemboleh ubah kajian. Teori-teori yang dimaksudkan diterangkan dalam rajah berikut :



Rajah 1.2. Kerangka Teori Kajian

Teori utama yang mendasari kajian ini ialah Teori Ekologi Bronfenbrenner di mana teori ini mengketengahkan tentang persekitaran serta interaksi yang berlangsung dalam setiap sistem yang wujud dalam persekitaran pembelajaran seorang murid. Sistem yang paling asas yang terlibat dalam persekitaran seorang murid ialah sistem mikro, di mana ianya melibatkan interaksi secara terus di antara guru dan juga rakan sekelas. Sistem-sistem lain yang turut menerangkan tentang persekitaran yang dialami

oleh seseorang murid ialah sistem meso. Kesemua sistem dalam teori ini dikupas dengan lebih terperinci dalam Bab Dua.

Teori yang mendasari memboleh ubah motivasi dalam kajian ini pula melibatkan Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Teori Penentuan Kendiri. Kedua-dua teori ini melibatkan desakan yang mendorong murid-murid untuk menyempurnakan tugas dengan baik, lebih selesa untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang telah dirancang oleh guru serta berupaya untuk tampil lebih berani dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Huraian tentang kedua-dua teori ini dibuat secara terperinci dalam Bab Dua.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi fokus terhadap hubungan antara persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid sekolah rendah. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang pendidikan di Malaysia.

Umum mengetahui bahawa saban tahun, kerajaan berusaha untuk menaiktaraf infrastruktur pendidikan sama ada secara fizikal mahupun berbentuk tenaga kerja dalam usaha memastikan pendidikan dalam negara mencapai tahap yang diingini. Pertama, kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat kepada pihak pengurusan institusi sekolah seperti pihak KPM, PPD dan khususnya pengurusan sekolah rendah tentang tahap penerapan komponen-komponen persekitaran pembelajaran yang dialami oleh murid-murid. Dengan cara ini, diharapkan pihak yang terlibat secara langsung dengan institusi pendidikan, khususnya pendidikan sekolah rendah dapat menghasilkan menyediakan kurikulum serta dapat mengeluarkan tenaga pengajar



yang bukan sahaja mahir tentang aspek kandungan kurikulum, malah turut mempunyai ciri-ciri pendidik yang menyokong pembelajaran murid.

Kedua, hasil kajian ini juga diharap dapat membantu guru terutamanya guru Bahasa Inggeris dalam usaha untuk mengenalpasti komponen-komponen persekitaran pembelajaran yang dapat merangsang motivasi dan memupuk minat terhadap subjek Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid. Berdasarkan dapatan kajian juga, guru-guru diharapkan dapat mempelbagaikan bentuk persekitaran pembelajaran sama ada menggunakan komponen sokongan guru, orientasi tugas, penglibatan murid mahupun kerjasama untuk menimbulkan suasana yang seronok dalam kalangan murid-murid. Keseronokan yang timbul dalam sesi pembelajaran akan memudahkan murid-murid untuk mengikuti sesi pembelajaran dan seterusnya akan meningkatkan tahap pencapaian akademik murid-murid khususnya dalam subjek Bahasa Inggeris. Di samping itu juga, kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada guru-guru khususnya guru Bahasa Inggeris untuk mempelbagaikan teknik pengajaran selari dengan Pendidikan Abad Ke-21 yang disarankan oleh KPM. Dengan cara ini, murid-murid bukan sahaja mempelajari konsep Bahasa Inggeris, malah mereka juga dapat mengaplikasikan pengetahuan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian mereka. Ini bukan sahaja akan membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, malah akan turut menyuntik semangat untuk meluaskan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Ketiga, kajian ini juga diharapkan dapat menyalurkan input kepada murid-murid sekolah rendah tentang persekitaran pembelajaran yang dialami oleh mereka setiap hari. Dengan adanya pengetahuan tentang persekitaran pembelajaran, murid-murid juga akan mengetahui cara untuk meningkatkan motivasi diri terhadap





pembelajaran terutamanya dalam subjek Bahasa Inggeris. Apabila murid-murid peka akan persekitaran pembelajaran dan tahap motivasi yang ada dalam diri masing-masing, maka murid-murid akan dapat meningkatkan tahap pencapaian mereka ke peringkat yang lebih baik.

Keempat, melalui kajian ini diharapkan dapat menyampaikan maklumat tentang persekitaran pembelajaran yang dialami serta tahap motivasi anak-anak di sekolah. Melalui input ini, ibu bapa boleh menunjukkan sokongan terhadap guru di sekolah dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan anak-anak mereka di rumah. Di samping itu juga, ibu bapa juga boleh merangsang motivasi anak-anak melalui pendekatan yang bersesuaian dengan tahap kebolehan anak-anak.



1.11 Batasan Kajian

Batasan kajian yang terdapat dalam kajian ini ialah pertama, kajian ini melibatkan sampel murid-murid Tahun Lima sekolah rendah iaitu yang berumur lingkungan 11 tahun. Oleh hal yang demikian, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada murid-murid selain daripada lingkungan umur tersebut. Di samping itu juga, kajian ini melibatkan murid-murid Tahun Lima sekolah rendah. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan terhadap pelajar sekolah menengah, kolej-kolej matrikulasi atau peringkat tertiarai.

Seterusnya, lokasi kajian ini ialah salah sebuah negeri dalam Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia. Selain itu juga, kajian ini mengkaji hubungan korelasi, dan





bukannya kajian sebab dan akibat. Oleh itu, kajian ini tidak dapat menentukan perkaitan yang kuat atau lemah di antara setiap pemboleh ubah.

Batasan kajian seterusnya yang terdapat dalam kajian ini ialah kajian ini melibatkan mata pelajaran Bahasa Inggeris Tahap Dua. Oleh itu, kajian ini tidak dapat diimplementasikan ke atas mata pelajaran lain selain daripada Bahasa Inggeris.

1.12 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah penting yang juga merupakan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi setiap istilah diperincikan seperti dalam bahagian berikut.

1.12.1 Persekutaran Pembelajaran

Persekutaran pembelajaran menurut Corkin, Horn dan Pattison (2017) ialah satu suasana pembelajaran yang dijalankan secara dua hala, iaitu melibatkan interaksi antara guru dan murid dan interaksi antara murid dengan murid. Konsep persekitaran pembelajaran dalam kajian ini melibatkan tiga konstruk iaitu sokongan guru, orientasi tugas dan kerjasama. Persekutaran pembelajaran merupakan skor yang diperoleh melalui item-item yang terdapat dalam soal selidik *What is Happening in This Class (WIHIC)*.

1.12.2 Motivasi

Motivasi merupakan satu daya penggerak dalam diri seseorang individu untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Pintrich dan Schunk (2012) berpendapat bahawa dengan adanya motivasi, seseorang individu dapat merangsang, mengawal dan



mengekalkan tingkah laku dalam proses untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, pembolehubah motivasi merujuk kepada skor murid-murid Tahun Lima dalam instrumen *Intrinsic and Extrinsic Motivational Orientation*. Item-item berkaitan motivasi yang meliputi motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

1.12.3 Pencapaian Bahasa Inggeris

Dalam kajian ini, pencapaian murid-murid dalam subjek Bahasa Inggeris merujuk kepada skor yang diperoleh dalam Ujian Bulan Mac, Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun yang dijalankan di sekolah. Skor ketiga-tiga ujian ini dikelaskan mengikut graf pencapaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. (LPM).

Hasrat pendidikan negara adalah untuk melahirkan individu yang seimbang dan holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Antara pendekatan yang diimplementasikan ialah melalui penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa global yang digunakan di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang masih di tahap yang lemah amat membimbangkan semua pihak yang terlibat. Antara faktor yang dikenalpasti mempunyai hubungan dengan pencapaian Bahasa Inggeris ialah persekitaran pembelajaran dan motivasi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara persekitaran pembelajaran, motivasi dan pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Kajian ini diharapkan dapat memberi input yang berguna kepada pihak-pihak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

22

yang terlibat dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan dan pencapaian Bahasa Inggeris murid-murid dan seterusnya dapat mencapai hasrat pendidikan negara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi